

# Sentiasa toleh belakang lihat kelemahan diri



● Shaikh Harun (tengah) bergambar bersama peserta sebelum Program Larian Hijrah 1431 Hijrah UMT bermula.

**TOK JEMBAL** – Kecemerlangan diri tidak mampu dibentuk sekiranya masyarakat tidak menoleh ke belakang bagi melihat kelemahan yang perlu dibaiki, seterusnya berhijrah ke arah lebih baik.

Sebaliknya, Pesuruhjaya Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), Datuk Shaikh Harun Shaikh Ismail berkata, masyarakat khususnya golongan muda disarankan supaya sentiasa berhijrah memperbaiki diri dan meningkatkan keazaman serta kesungguhan dalam usaha membina kecemerlangan dalam kehidupan pada masa hadapan.

"Hijrah merujuk kepada peralihan

daripada sesuatu yang negatif atau kurang baik kepada lebih baik atau sempurna, justeru, setiap individu perlu memiliki kesedaran sentiasa melakukan terbaik dalam kehidupan.

"Ini sebab, kejayaan seseorang itu mampu dicapai sekiranya mereka sentiasa sedar dan bersedia berubah ke arah yang jauh lebih positif," katanya ketika merasmikan Program Larian Hijrah 1431 Hijrah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), di sini.

Sementara itu, sempena program tahunan yang diadakan, lebih 1,800 peserta membabitkan penuntut dan kakitangan mengambil bahagian, sekali gus penyertaan tahun ini me-

nunjukkan peningkatan begitu membanggakan.

Shaikh Harun turut memuji pendekatan yang diambil dengan membabitkan penyertaan peserta bukar Islam kerana ia dilihat sebagai landasan terbaik dalam usaha mengukuhkan hubungan dan keharmonian sediar terjalin sebelum ini.

"Selari dengan konsep Larian Hijrah 1Malaysia tahun ini, ramai dalam kalangan peserta yang mengambil bahagian adalah golongan bukar Islam.

"Inilah perkembangan dan perubahan yang kami mahu lihat," kata dia.